

15/10/2003

Apabila cagaran hanya ilmu, pengalaman

Datuk Salleh Majid

MINGGU lalu ketika merasmikan InventQJaya, sebuah syarikat penyelidikan dan pembangunan di Cyberjaya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi meminta bank tempatan memberi peluang kepada syarikat berasaskan ilmu pengetahuan untuk mendapatkan pinjaman.

Perdana Menteri berkata, bank wajar bersedia menerima sedikit risiko demi kepentingan kemajuan negara.

Kita sedia maklum wawasan negara untuk menjadi negara maju menjelang 2020. Menurut kajian badan perundingan antarabangsa, McKinsey, sebelum penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC), Malaysia tidak mungkin mencapai hasrat menjadi negara industri sepenuhnya hanya dengan bergantung kepada sektor pengilangan.

Peralihan tumpuan pengeluaran negara daripada menghasilkan getah dan bijih timah kepada pengilangan, berjaya meletakkan pertumbuhan ekonomi pada 1990-an melebihi tujuh peratus. Kalau tidak kerana krisis kewangan pada 1998, pertumbuhan ekonomi negara ten-tu terus pada paras tinggi.

MSC mengakui perlunya anjakan paradigma daripada berlandaskan tanah, buruh dan modal kepada ilmu pengetahuan untuk menyahut cabaran alaf baru. Banyak syarikat MSC bergantung kepada penemuan ilmu pengetahuan, terutama dalam pengendalian tujuh gagasan yang menjadi tonggak MSC.

Kawasan 50 x 15 kilometer ini adalah gelanggang ujian untuk dilaksanakan ke seluruh negara suatu masa nanti. Malangnya, dalam tujuh gagasan termasuk perubatan, pendidikan, pemasaran dan hiburan, satu gagasan penting terkecuali daripada dimasukkan bersama iaitu perkhidmatan kewangan.

Syarikat berasaskan pengetahuan juga memerlukan modal untuk berkembang dan sokongan oleh syarikat modal teroka yang agak terhad. Ini kerana mereka yang terbabit menawarkan modal teroka hanya memikirkan cara mudah mendapatkan kembali pelaburan berserta apa juga pulangan yang dijangka. Di sinilah bank dan institusi kewangan masih perlu memberikan sokongan.

Lazimnya, bank agak 'sekan' memberikan pinjaman tanpa cagaran dan kemudahan yang tidak memerlukan cagaran jumlahnya mungkin agak kecil bagi memenuhi keperluan syarikat itu. Bergantung kepada cagaran ini adalah amalan lama yang masih dikekalkan kebanyakan bank tempatan untuk menampung risiko sesuatu projek yang dikemukakan usahawan.

Sebagai negara yang ingin maju dan mampu menyahut cabaran era globalisasi, Malaysia tidak mampu mengetepikan syarikat berasaskan ilmu pengetahuan walaupun kebanyakannya tidak memiliki cagaran. Penilaian projek berasaskan pengetahuan harus menumpukan potensi perniagaan yang bakal dijana.

Antara amalan yang dapat kita perhatikan di kalangan bank ialah keengganan menggunakan khidmat pakar dan ahli dalam bidang yang mungkin asing kepada bank. Contohnya, bidang bioteknologi atau pemprosesan sumber tenaga masa depan. Jalan mudah yang diambil bank apabila berdepan dengan cadangan sedemikian ialah menolak terus permohonan dikemukakan. Walaupun tidak mungkin bagi bank mengetahui semua bidang yang ada, sikap ingin mendengar pandangan pakar wajar diamalkan bank.

Hari ini, kita berdepan dengan order baru ekonomi dunia dengan globalisasi perdagangan menawarkan 1001 macam peluang dan ancaman. Perkhidmatan kewangan juga tidak terkecuali dengan pembukaan pasarannya kepada sesiapa saja, terutama gergasi negara maju.

Mereka mengambil sikap kalau kita bebas memasuki pasaran mereka, mereka

juga bebas memasuki pasaran kita. Kalau hendak dikirakan saiz, syarikat kita tidak setanding dengan syarikat mereka yang jauh lebih besar. Tetapi apa yang menjadi ukuran kejayaan masa depan ialah cara perniagaan itu dijalankan termasuk bank dan mereka dalam perkhidmatan kewangan.

Syarikat ini sekian lama dilindungi kerajaan kerana tidak membenarkan orang asing memiliki sepenuhnya ekuitinya. Tetapi, tidak lama lagi halangan ini dimansuhkan dan pasaran kita diredah oleh mereka yang sudah lama menunggu untuk merebut apa juga peluang yang ada.

Semestinya, zaman berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memerlukan banyak penyelidikan. Bank kita diberikan saingan sengit oleh bank asing yang cara pengurusan mereka berlainan. Hari ini pun dapat kita saksikan perbezaan ini. Usaha penyelidikan yang dijalankan seseorang atau badan perlu diiktiraf sebagai usaha untuk meneroka bidang baru.

Arah aliran akan datang si peminjam tidak perlu ke bank. Di negara maju sekarang pun ada badan bukan bank yang mampu menawarkan pinjaman kepada syarikat besar, terutama apabila penggabungan atau pengambilalihan syarikat gergasi.

Usaha mengukuhkan kedudukan masing-masing di kalangan industri telekomunikasi, media, hiburan, kesihatan, automobil dan banyak lagi sudah dan terus berlaku. Misalnya, Daimler dengan Chrysler dan Time Warner. Pada masa sama, dunia korporat global juga dikejutkan dengan pendedahan mereka yang tidak jujur. Skandal dan penipuan secara berlaku di tempat yang dikatakan lahirnya amalan korporat cekap dan jujur. Apa ertinya semua ini?

Satu peraturan gaya pentadbiran pengurusan yang baru akan wujud. Kes Enron dan Citicorp di luar negara serta Penerbangan Malaysia (MAS) dan Renong dalam negara menjadi sempadan kepada amalan pengurusan beretika.

Ada juga bank bersekongkol dengan mereka yang tidak jujur dalam dunia korporat. Sambil kita terdengar laungan permohonan pinjaman tidak dilayan tanpa cagaran, kita juga terdengar mereka yang menerima pinjaman berjuta-juta ringgit tanpa sebarang penjamin.

Masyarakat kita begitu pengampun dan banyak kesalahan yang dilakukan atas wang mereka tidak menerima balasan setimpal.

Masanya sudah sampai bagi cara baru menilai projek yang dikemukakan kepada bank oleh mereka yang hanya ada ilmu dan pengalaman. Sebagai negara yang belum maju sepenuhnya, kita memerlukan syarikat perusahaan kecil dan sederhana untuk berkembang, meneroka bidang baru yang belum terfikir oleh orang atau negara lain.

Usaha mengurangkan beban import atas barang yang boleh dihasilkan dalam negara juga memerlukan pendekatan teknologi dan kepakaran. Risiko yang bakal ditanggung bank berbanding pulangan kepada negara secara keseluruhannya adalah terlalu kecil bagi negara yang berhasrat menjadi negara Islam pertama mencapai taraf perindustrian sepenuhnya. -

satria49@hotmail.com